

Persisi nafi bazir wang ke Manila

10 JAN 1992

Oleh MOHD SANI ALI



DHILLON: Kami tidak mahu campur tangan urusan dalam Persisi.



MOHAMAD: Berpendapat dakwaan itu berat dan tidak berasas.

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) menolak dakwaan bahawa mereka membazirkan wang orang ramai dengan menghantar pasukan lemah ke Kejohanan Asia Tenggara, sempena Sukan SEA Manila tahun lalu.

Demikian jawapan peribadi setiausaha kehormat Persisi, Mohamad Kaspari, terhadap dakwaan yang terkandung dalam sepucuk surat kepada setiausaha agung Majlis Kebangsaan Olimpik Singapura (SNOC), SS Dhillon oleh seorang peminat pencak silat.

Mohamad berkata: "Secara peribadi, saya berpendapat dakwaan tersebut adalah berat dan tidak berasas. Bagaimanapun, surat itu ditujukan kepada SNOC dan bukan kepada Persisi."

Beliau mengetepikan pihaknya akan membuat penyiasatan berhubung dengan dakwaan tersebut.

Setiausaha agung SNOC, ketika dihubungi pula menjelaskan beliau telah membalas surat berkenaan dan menasihatkan kepada pengirimnya agar merujuk surat terse-

but kepada Persisi. "Pertanyaan itu seharusnya ditujukan kepada badan yang berkenaan," kata Dhillon. "Dasar kami tidak campur urusan rumah tangga badan-badan sukan nasional."

Pengirim surat dari Geylang East itu berkata beliau amat terkejut apabila mendapat tahu Singapura menghantar lima pegawai dan empat pesilat ke Manila.

"Sebuah pasukan seharusnya mengandungi 14 pesilat yang dianggotai oleh peserta lelaki dan wanita," tambah pengirim surat berkenaan (*namanya kami rahsiakan — Editor*).

Beliau ingin tahu bagaimana pilihan skuad Singapura itu dibuat.

"Kami mempunyai ramai pesilat berbakat, tetapi tidak dipilih untuk menyertai pertandingan tersebut."

Pengirim surat tersebut menyatakan Persisi mempunyai 17 anggota perguruan, tetapi hanya empat pesilat yang dipilih di samping menyertakan lima pegawai.

"Saya berharap SNOC membuat siasatan mengenai kedudukan Persisi yang kelihatan main sembunyi-sem-

bunyi dengan anggota kerabatnya," tambah surat itu.

Pengirim surat itu mendakwa tidak ada sebarang latihan intensif yang diberikan ke atas para pesilat itu sebelum tampil di Manila.

"Mereka hanya membazirkan wang orang awam dengan menghantar pasukan lemah," kata isi surat itu.

Persisi menghantar empat pesilat olahraga — Sheik Alauddin Yaacob, Talib Tambi, Azman Ahmad dan Badriah Hosni. Moxsin Mokti untuk acara silat kesenian.

Haji Sayuti Hussin, bertindak sebagai pengurus pasukan, sementara Haji Suib Selamat selaku jurulatih yang dilantik oleh Persisi.

Turut dalam rombongan tersebut ialah Jamaluddin Jamil, Abdul Latiff Abdul Rahman, Aejji Karmak dan Jamaluddin Malek Atan (wasit) dan Mohd Khamin Said (dewan hakim).

Abdul Rahman Ismail, presiden Persisi bersama timbalan presiden ketiga, Abdullah Shafiee, juga turut berada di Manila.